

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 3.12.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 21

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan syarikat-syarikat di Sarawak yang mendapat AP untuk mengimport gula serta langkah-langkah Kementerian untuk memecahkan mana-mana monopoli yang merugikan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, terdapat sebelas syarikat pengeluar makanan dan minuman di Sarawak yang telah diluluskan AP import gula bertapis pada tahun 2019. KPDNHEP sentiasa menjaga keseimbangan antara industri di peringkat kilang dan pemprosesan produk serta kebajikan pengguna bagi mengelakkan wujudnya monopoli oleh mana-mana pihak.

Agensi di bawah KPDNHEP, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah Ahli Bersekutu di dalam Jawatankuasa Kajian Semula Dasar Monopoli Perkhidmatan dan Pembekalan yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi. MyCC telahpun memberikan input mereka kepada jawatankuasa berkenaan 4 monopoli iaitu PUSPAKOM, BERNAS, Pharmaniaga dan MyEG. Halatuju konsesi keempat-empat syarikat akan ditentukan oleh Kerajaan selepas syor jawatankuasa ini dibentangkan di dalam Mesyuarat Kabinet.

Perlu ditekankan disini bahawa undang-undang persaingan membenarkan kewujudan monopoli atau syarikat di dalam apa-apa pasaran. Walaubagaimanapun, MyCC di bawah bidang kuasanya melalui Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 mempunyai kuasa untuk menyiasat mana-mana syarikat yang menyalahgunakan kedudukan monopoli atau dominan di dalam pasarannya seperti mengenakan jualan terikat, keengganan untuk membekalkan, mengehad pengeluaran dan mengenakan syarat-syarat berbeza untuk transaksi yang sama.

MyCC telah banyak menyiasat syarikat monopoli atau dominan seperti Megasteel, Giga Shipping Sdn. Bhd., MyEG Sdn. Bhd., DagangNet Sdn. Bhd. dan lain-lain lagi. MyEG Sdn. Bhd. telah pun dikenakan denda sebanyak RM9.4 juta kerana menyalahgunakan kedudukannya sebagai syarikat yang memonopoli pasaran pembaharuan Pas Lawatan Kerja Asing (PLKS).

Sekian, terima kasih.